

**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR
KREATIVITI DENGAN EFIKASI KENDIRI
DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH**

ROSLAH BINTI ABDULAIB




**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 FEBRUARI 2013



ROSLAH BINTI ABDULAIB

PT20107363C



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : ROSLAH BINTI ABDULAIB

NO MATRIK : PT20107363C

TAJUK : HUBUNGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR KREATIVITI
DENGAN EFIKASI KENDIRI DALAM KALANGAN GURU
PRASEKOLAH.


IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

1. PENYELIA



DISAHKAN OLEH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



.....

(DR LAY YOON FAH)

Pensyarah Kanan

Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial

Universiti Malaysia Sabah

Kota Kinabalu.

Tarikh:

22/2/2013

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : **HUBUNGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR KREATIVITI DENGAN EFIKASI KENDIRI DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH.**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **ROSLAH BINTI ABDULAIB** SESI PENGAJIAN : **2011/2012**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

☐

/

TIDAK TERHAD



(ROSLAH BINTI ABDULAIB)

Alamat Tetap:

Tarikh : 25 FEBRUARI 2013


Disahkan oleh



()

(DR. LAY YOON FAH)

Tarikh:



CATATAN:- * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan keredhaan dan limpah kurniaNya, disertasi ini dapat disempurnakan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutama sekali kepada penyelia saya Dr. Lay Yoon Fah di atas panduan dan bimbingan beliau. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dekan Pasca Siswazah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) Penyelaras Program dan kepada para pensyarah kerana selalu memberikan galakan serta dorongan yang membina.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (EPRD), Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan Penyelaras Unit Prasekolah Daerah Kota Marudu, Kudat dan Pitas di atas kelulusan dan kerjasama yang diberikan untuk membuat kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada semua guru prasekolah di daerah Kota Marudu, Kudat dan Pitas, Pentadbir dan warga guru SK. Bintasan, Kota Marudu di atas kerjasama mereka sepanjang kerja-kerja penyelidikan ini dijalankan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan, yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada suami, anak-anak, ayah dan ahli keluarga yang menjadi sumber inspirasi dan ketabahan saya.

HUBUNGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR KREATIVITI DENGAN EFIKASI KENDIRI DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor yang mendorong kreativiti dengan efikasi sendiri dalam kalangan guru prasekolah. Data dikutip dengan menggunakan instrumen soal selidik dan Teachers' Sense of Efficacy Scale (TSES) yang melibatkan 93 orang guru prasekolah di 123 buah prasekolah di Bahagian Kudat. Analisis ujian t-test mendapati tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ketiga-tiga faktor kreativiti dan tahap efikasi dalam kalangan guru prasekolah mengikut jantina kecuali faktor kreativiti (gaya berfikir). Dapatan kajian menunjukkan faktor utama yang mendorong kreativiti ialah faktor motivasi (min 4.23) sementara tahap efikasi sendiri adalah tinggi (min 3.89). Hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif dan sederhana yang signifikan antara faktor-faktor kreativiti dengan efikasi sendiri dalam kalangan guru prasekolah. Dapatan kajian juga menunjukkan peramal efikasi-kendiri guru prasekolah terdiri daripada dua pemboleh ubah iaitu faktor motivasi ($\text{Beta}=.323$, $p=.000$) dan faktor gaya berfikir ($\text{Beta}=.129$, $p=.009$). Faktor-faktor ini hanya dapat menerangkan 31.7% varians efikasi sendiri guru prasekolah. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa terdapat pemboleh ubah lain yang mempengaruhi efikasi sendiri guru prasekolah. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan kepada pihak sekolah, pihak Kementerian Pelajaran dan penyelidik lanjutan dikemukakan.

ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between the factors that encourage creativity and self-efficacy among pre-school teachers. Data collected using questionnaires and Teachers' Sense of efficacy Scale (TSES) involving 93 pre-school teachers in 123 pre-schools in Kudat Division. Test t-test analysis showed that there was a significant difference in the three factors of creativity and efficacy among pre-school teachers by gender except in creativity (style of thinking). The results showed the main factors of creativity are motivation (mean 4.23), while the level of self-efficacy is high (mean 3.89). Results of correlation analysis showed that there is positive and significant medium of creativity factors with self-efficacy among pre-school teachers. The findings showed that the predictors of self-efficacy consists of two pre-school teacher variables of motivation ($\text{Beta} = .323, p = .000$) and thinking style factor ($\text{Beta} = .129, p = .009$). These factors can only explain 31.7% of variance preschool teachers self efficacy. The study also shows that there are other variables affecting the preschool teachers self efficacy. Based on the findings, some suggestions to the school, the Ministry of Education and advanced researchers submitted.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
TAJUK	i
PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN PENYELIA	iv
PENGESAHAN STATUS TESIS	v
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
<i>ABSTRACT</i>	viii
SENARAI KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Soalan Kajian	10
1.7 Hipotesis Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Batasan Kajian	12
1.10 Definisi Operasional	13
1.11 Rumusan	16

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Konsep Kreativiti	17
2.2.1	Kreativiti Dalam Pengajaran	19
2.2.2	Faktor-Faktor Kreativiti	21
2.2.3	Kreativiti Dan Kepentingannya	23
2.3	Konsep Efikasi	24
2.4	Hubungan Kreativiti dengan Efikasi	26
2.4.1	Pengetahuan dan Efikasi	27
2.4.2	Gaya Berfikir dan Efikasi	28
2.4.3	Personaliti dan Efikasi	29
2.4.4	Motivasi dan Efikasi	30
2.5	Pendekatan Teori	
2.5.1	Teori Kreativiti Stenberg	31
2.5.2	Kerangka PDK	34
2.5.3	Teori Kognitif Sosial	35
2.5.4	Model Efikasi Guru	36
2.6	Kajian-Kajian Lepas	
2.6.1	Kajian Dalam Negara	38
2.6.2	Kajian Luar Negara	43
2.7	Kerangka Konsep Kajian	46
2.8	Rumusan	48

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	50
3.4	Tempat Kajian	52
3.5	Instrumen	
3.5.1	Struktur Instrumen	53
3.5.2	Penilaian Instrumen	53
3.5.3	Kebolehpercayaan instrumen	56

3.6	Kajian Rintis	56
3.7	Pembolehubah Kajian	57
3.7.1	Pembolehubah Bersandar	58
3.7.2	Pembolehubah Bebas	58
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	58
3.8.1	Pembentukan Soal Selidik	59
3.8.2	Mentadbir Soal Selidik	59
3.9	Tatacara Penganalisan Data	
3.9.1	Pengekodan Data	60
3.9.2	Pengukuran Pembolehubah	60
3.9.3	Kaedah Analisis Statistik	62
3.10	Rumusan	63

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	64
4.2	Latar Belakang Responden	64
4.2.1	Taburan Responden mengikut Jantina	65
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Umur	66
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar.	67
4.3	Analisis Deskriptif	
4.3.1	Analisis Faktor-Faktor Kreativiti	68
4.3.2	Analisis Faktor Ilmu Pengetahuan	69
4.3.3	Analisis Faktor Gaya Berfikir	70
4.3.4	Analisis Faktor Personaliti	71
4.3.5	Analisis Faktor Motivasi	71
4.3.1	Analisis Faktor-Faktor Paling Dominan	72
4.3.1	Analisis Efikasi Kendiri	73
4.4	Taburan Kenormalan Data Sampel Kajian	75
4.5	Analisis Inferensi Ujian t Tidak Bersandar.	75
4.5.1	Perbezaan Efikasi Kendiri Mengikut Jantina	75
4.5.2	Perbezaan Faktor-Faktor Kreativiti Mengikut Jantina	76
4.5.3	Perbezaan Faktor Kreativiti (Pengetahuan) Mengikut Jantina.	77

4.5.4	Perbezaan Faktor Kreativiti (Gaya Berfikir) Mengikut Jantina.	78
4.5.5	Perbezaan Faktor Kreativiti (Personaliti) Mengikut Jantina.	79
4.5.6	Perbezaan Faktor Kreativiti (Motivasi) Mengikut Jantina.	79
4.6	Analisis Inferensi Korelasi	81
4.6.1	Hubungan Faktor-Faktor Kreativiti Dengan Efikasi Kendiri.	82
4.6.2	Hubungan Faktor Kreativiti (Pengetahuan) Dengan Efikasi Kendiri.	83
4.6.3	Hubungan Faktor Kreativiti (Gaya Berfikir) Dengan Efikasi Kendiri.	84
4.6.4	Hubungan Faktor Kreativiti (Personaliti) Dengan Efikasi Kendiri.	85
4.6.5	Hubungan Faktor Kreativiti (Motivasi) Dengan Efikasi Kendiri.	86
4.7	Analisis Regresi Berganda	87
4.7.1	Analisis Regresi Berganda Stepwise	87
4.8	Rumusan.	90

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	91
5.2	Rumusan Kajian	91
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	92
5.4	Perbincangan	95
5.4.1	Faktor-Faktor Kreativiti Yang Paling Dominan.	96
5.4.2	Tahap Efikasi Kendiri Di Kalangan Guru Prasekolah	97
5.4.3	Perbezaan Efikasi Kendiri Mengikut Jantina.	98
5.4.4	Perbezaan Faktor-Faktor Kreativiti Mengikut Jantina.	98
5.4.5	Hubungan Faktor-Faktor Kreativiti Dengan Efikasi Kendiri Guru Prasekolah.	100

5.4.6	Pengaruh Faktor-Faktor Kreativiti Terhadap Efikasi Kendiri Guru Prasekolah	103
5.5	Implikasi Kajian	
5.5.1	Implikasi Kepada Teori	104
5.5.2	Implikasi Kepada Kreativiti Dalam Pengajaran.	108
5.4.3	Implikasi Kepada Guru	108
5.4.4	Implikasi Kepada Organisasi	108
5.6	Cadangan	110
5.5.1	Cadangan Kajian Lanjutan	112
5.7	Rumusan	113

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A	- Borang Soal Selidik
LAMPIRAN B	- Analisis frekuensi dan peratus
LAMPIRAN C	- Analisis Taburan Kenormalan Data
LAMPIRAN D	- Analisis Ujian-t tidak bersandar
LAMPIRAN E	- Analisis Korelasi Pearson
LAMPIRAN F	- Analisis Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>)
LAMPIRAN G	- Analisis Kebolehpercayaan soal selidik.
LAMPIRAN H	- Surat Daripada EPRD, Kementerian Pelajaran Malaysia
LAMPIRAN I	- Surat Daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Bilangan Guru prasekolah dan Kelas dibahagian Kudat Tahun 2012.	51
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	52
3.3	Taburan Item Bagi Faktor-Faktor Kreativiti	53
3.4	Taburan item Efikasi Guru	56
3.5	Kebolehpercayaan item dalam soal selidik Kajian Rintis	57
3.6	Tahap Analisis Min dan Skala Tafsir Bagi Analisis Dapatan Soal Selidik.	60
3.7	Skala Tahap Kekuatan Korelasi Antara Dua Pemboleh Ubah.	61
3.8	Kaedah Analisis Statistik Data.	62
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	65
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	66
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	67
4.4	Analisis Faktor Kreativiti Pengetahuan	69
4.5	Analisis Faktor Kreativiti Gaya Berfikir	70
4.6	Analisis Faktor Kreativiti Personaliti	71
4.7	Analisis Faktor Kreativiti Motivasi	72
4.8	Analisis Faktor-faktor yang Mendorong Kreativiti	73
4.9	Analisis Efikasi Kendiri Guru Prasekolah	74
4.10	Analisis Ujian-t pada Efikasi Kendiri Guru Prasekolah Mengikut Jantina.	76
4.11	Analisis Ujian-t pada Efikasi Kendiri Guru Prasekolah Mengikut Jantina.	77
4.12	Analisis Ujian-t pada Faktor Pengetahuan Guru Prasekolah Mengikut Jantina.	78
4.13	Analisis Ujian-t pada Faktor Gaya Berfikir Guru Prasekolah Mengikut Jantina.	78

4.14	Analisis Ujian-t pada Faktor Personaliti Guru Prasekolah Mengikut Jantina.	79
4.15	Analisis Ujian-t pada Faktor Motivasi Guru Prasekolah Mengikut Jantina.	80
4.16	Analisis Korelasi Pearson Antara Faktor-faktor Kreativiti dengan Efikasi Kendiri Guru Prasekolah.	81
4.17	Analisis Korelasi Pearson Antara Faktor Pengetahuan dengan Efikasi Kendiri Guru Prasekolah.	82
4.18	Analisis Korelasi Pearson Antara Faktor Gaya Berfikir dengan Efikasi Kendiri Guru Prasekolah.	83
4.19	Analisis Korelasi Pearson Antara Faktor Personaliti dengan Efikasi Kendiri Guru Prasekolah.	84
4.20	Analisis Korelasi Pearson Antara Faktor Motivasi dengan Efikasi Kendiri Guru Prasekolah.	85
4.21(a)	Keputusan Ujian Analisis Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) bagi Pemboleh ubah Bebas Yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri Guru Prasekolah.	88
4.21(b)	Analisis Varian	88

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
2.1	25 Cara Membangunkan Kreativiti	21
2.2	Kerangka Pembangunan Domain Kreativiti	34
2.3	Model Efikasi Guru	37
2.4	Kerangka Konseptual Kajian	47
3.1	Hubungan antara Pemboleh ubah Tidak Bersandar Dengan Pemboleh ubah Bersandar.	58
4.1	Graf Taburan Responden Mengikut Jantina	65
4.2	Graf Taburan Responden Mengikut Umur	66
4.3	Graf Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar.	68



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

SGM	-	Standard Guru Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
LINUS	-	Literasi dan Numerasi
NKRA	-	National Keys Results Areas
JERIS	-	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sahsia
KSPK	-	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
PDK	-	Pembangunan Domain Kreativiti



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia telah menjadikan tahun 2010 sebagai Tahun Inovasi dan Kreativiti. Penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti terutama di peringkat nasional amat penting kerana ia menggalakkan daya saing negara (Utusan Malaysia, 20 Ogos 2010). Bagaimanapun, memandangkan gerakan inovasi di Malaysia masih lagi di umur muda, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tetap menyahut seruan Kerajaan bagi meningkatkan **kesedaran** dan memupuk budaya inovasi di kalangan warga KPM.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Tahun Inovasi KPM 2012 yang bertemakan Mengungguli Modal Insan: Mencerna Kreativiti, Mencetus Inovasi pada 10 Januari 2012. *"Inovasi dan kreativiti tidak hanya disarankan kepada murid sekolah dan institusi pendidikan sahaja malah melibatkan keseluruhan warga KPM di peringkat kumpulan premier, kumpulan pengurusan dan professional serta kumpulan pelaksana supaya rantai nilai pendidikan negara boleh dianjak ke satu tahap yang lebih tinggi"*. (Majlis perutusan Khas, Menteri Pelajaran, 10 Januari, 2012)

Seiring dengan itu, transformasi sistem pendidikan dilakukan dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan dan keupayaan penyampaian agar relevan dengan tuntutan semasa. Dalam konteks ini, kualiti guru perlu terus dipertingkatkan terutama aspek pengetahuan dan kemahiran demi meningkatkan lagi kompetensi guru sebagai pelaksana utama kepada transformasi pendidikan negara.

Oleh itu, pengenalan penanda aras profesion perguruan negara iaitu Standard Guru Malaysia (SGM) telah membuktikan betapa seriusnya kerajaan khususnya, dalam mengangkat martabat profesion perguruan negara. Sudah pasti pengenalan

SGM ini sejajar dengan peruntukan berbilion ringgit yang diberikan kerajaan untuk meningkatkan prasarana serta kemudahan sekolah kerana tidak ada gunanya prasarana bertaraf dunia, tetapi modal insan yang mengendalikannya masih berfikir kelas ketiga.

Pada masa kini, pendidikan di Malaysia khususnya mengalami banyak perubahan yang berlaku dengan pantas seiring dengan peredaran masa yang kita lalui. Setiap perubahan yang dirancang dan dilakukan memerlukan agen-agen utama perubahan iaitu guru-guru yang turut bersedia dan seterusnya melaksanakan perubahan tersebut. Peredaran masa telah banyak membawa perubahan dan cabaran terhadap profesion keguruan terutamanya peranan guru itu sendiri.

Peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan kepada pelajar telah bertukar kepada guru sebagai pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran dan agen perubahan dan sumber inspirasi kepada pelajar. Guru-guru terutamanya guru prasekolah seharusnya kreatif dan inovatif untuk menjadikan sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran menjadi efektif, menarik dan menyeronokkan (Pendidik, 2009.)

Dalam hal ini, peranan guru prasekolah juga tidak terkecuali dalam melaksanakan dan menerapkan kreativiti dalam pengajaran mereka. Kenyataan ini turut disokong oleh Ryan, D.G.(dalam Crow & Crow, 1983), iaitu guru yang efektif ialah guru-guru yang mempunyai sifat-sifat seperti berikut :

- i. Mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajarnya*
- ii. Mempunyai imaginasi yang tinggi untuk membolehkan ia membuat pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar memahami suatu konsep dengan mudah*
- iii. Dapat menggunakan alatan dan bahan pengajaran dengan baik dalam pengajarannya.*

Pernyataan Ryan ini jelas memperlihatkan bahawa elemen kreativiti adalah satu bentuk latihan khusus dan merupakan satu keperluan untuk menyediakan guru yang efektif dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Justeru, perlaksanaan kreativiti dalam pengajaran bergantung kepada beberapa faktor yang dapat menyumbang kepada kreativiti guru khususnya guru

prasekolah. Menurut Yew Kam Keong (2003) terdapat lima langkah ke arah sifat kreativiti iaitu:

- a) *Pengetahuan*
- b) *Pemikiran*
- c) *Pengeraman*
- d) *Eureka! – menyelesaikan masalah hidup sebenar.*
- e) *Perkembangan – menjana idea*

Berdasarkan langkah-langkah ini, maka penghasilan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bukan sahaja menjadi lebih kreatif malahan dapat meningkatkan kepercayaan individu atau guru prasekolah dalam melaksanakannya.

Para sarjana membuktikan bahawa guru merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan pelajar. Pencapaian murid dipengaruhi oleh amalan pengajaran dan komitmen guru (Joffres & Haughey, 2001 dlm Rafisah Osman, 2009). Justeru, guru-guru prasekolah perlu peka dan sentiasa menggunakan pelbagai strategi pengajaran disamping menerapkan kreativiti dalam pengajaran mereka.

Walau bagaimanapun terdapat sedikit kajian mengenai bagaimana guru prasekolah mampu mengharungi situasi-situasi dalam pengajaran di kelas prasekolah. Salah satu daripada atribut terpenting yang mempengaruhi guru prasekolah melaksanakan tugas-tugasnya ialah efikasi kendirinya dalam strategi pengajaran (Zurida Hj. Ismail, 2004).

Bandura (1986) telah mendefinisikan efikasi sebagai pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang ditetapkan. Bandura (1986) juga menyatakan bahawa efikasi mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Individu yang mempunyai efikasi yang tinggi, bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama sekiranya dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi yang rendah (Wood & Bandura, 1989).

Goldstein (1991) dan Sazali et. Al (2002) dalam Andi Audryanah (2009) pula menyatakan bahawa kepercayaan seseorang itu terhadap kemampuan bagi melaksanakan sesuatu tugas, merupakan sesuatu bidang yang penting untuk diterokai pada masa akan datang. Kepercayaan ini terutamanya di kalangan guru seperti guru prasekolah perlu ditinjau dan dikaji bagi memastikan mereka dapat

membentuk dan membina proses pengajaran yang lebih kreatif dan menarik minat murid. Namun, setakat mana keberkesanan pelaksanaan kreativiti dalam pengajaran guru prasekolah itu sendiri sebaliknya mempengaruhi efikasi sendiri mereka perlu dilihat dan dikaji.

1.2 Latar Belakang Masalah.

Menyedari pentingnya pendidikan kepada rakyat, maka Pendidikan telah dijadikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara. Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), yang merupakan teras kepada reformasi kepada cara bekerja. NKRA telah dilancarkan pada tahun 2011. Pada 27 Julai 2009, Y.A.B Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak telah mengumumkan National Key Results Areas (NKRA) yang terdiri daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional.

Beliau telah menggariskan pendekatan-pendekatan bagi menjelmakan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian yang berpaksikan kepentingan rakyat. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) turut terlibat secara langsung dalam NKRA yang ketiga iaitu meluaskan akses kepada Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan. Empat sub NKRA Pendidikan yang diberi tumpuan iaitu Prasekolah, Literasi dan Numerasi (LINUS), Sekolah Berprestasi Tinggi dan Tawaran baru kepada Pengetua dan Guru besar.

Elemen pertama yang menjadi tumpuan untuk ditransformasikan ialah peluasan dan peningkatan pendidikan prasekolah. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa perubahan menuntut semua warga pendidik prasekolah berusaha gigih bagi menghasilkan anak didik yang benar-benar berilmu, berakhlak mulia, mempunyai jati diri, dan mampu bersaing pada peringkat nasional mahupun global. Justeru, guru prasekolah memainkan peranan yang utama dalam usaha melahirkan modal insan yang berilmu, kreatif, inovatif dan berketerampilan.

Bagi memastikan guru prasekolah melahirkan modal insan yang kreatif, guru prasekolah juga perlu memastikan faktor-faktor yang menyumbang kepada kreativiti dirinya sendiri. Ini kerana faktor-faktor seperti pengetahuan, personaliti, gaya berfikir dan motivasi perlu diwujudkan dalam diri seorang guru yang berkreativiti untuk memastikan pengajaran yang dilaksanakan juga lebih menarik dan berkesan (Nani Menon dan Rohani Abdullah, 2003). Stenberg (1997) menyatakan terdapat 6

komponen yang mendorong individu berkeaktiviti iaitu kepintaran, pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi dan persekitaran.

Berdasarkan Kertas Taklimat mengenai Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Sub: Prasekolah yang dibentangkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan, Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2009 iaitu Datuk Asariah Mior Saharuddin telah menyatakan bahawa antara isu dan cabaran dalam sub ini ialah meningkatkan kemahiran dan kualiti kaedah pengajaran dan pembelajaran prasekolah.

Di bawah sub-NKRA prasekolah, 7 teras utama dalam meluaskan akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti dan berkemampuan. Melalui dasar NKR juga, kurikulum prasekolah telah berubah dari Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang diperkenalkan pada tahun 2010. Sebelum ini, antara fokus utama dalam kurikulum prasekolah kebangsaan ialah untuk menguasai kemahiran 3M, tetapi di bawah KSPK yang baru satu kemahiran yang ditambah iaitu Kemahiran Menaakul. Kemahiran menaakul ini memerlukan penguasaan dalam pemikiran yang kreatif. (KSPK, 2010)

Bagi memastikan matlamat Kementerian Pelajaran di bawah NKRA tercapai, kemahiran kreativiti perlu ada pada setiap guru. Ini kerana guru prasekolah merupakan guru yang membentuk kanak-kanak di awal persekolahan sebelum mereka ke alam persekolahan yang sebenar. Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) guru prasekolah memainkan peranan penting antaranya dalam:

- membimbing dan menjadi fasilitator dalam pembelajaran murid dengan mengenalpasti dan memberi respons kepada diversiti murid dan menggalak semua murid berfikir secara kritis dan kreatif. Memodelkan proses berfikir kritis dan kreatif.
- menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menyokong pembangunan komuniti murid yang kreatif dan berfikiran terbuka dengan menunjukkan sikap positif terhadap idea baru murid. Selain itu, memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam proses membuat keputusan dan memberi tanggungjawab kepada murid terhadap pembelajaran mereka sendiri.

- menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak (developmentally appropriate) supaya pembelajaran berkesan dan membawa makna kepada murid.
- menggunakan pendekatan berikut mengikut kesesuaian standard kandungan dan standard pembelajaran yang hendak dicapai iaitu pembelajaran berpusatkan murid Inkuiri, penemuan *Belajar Melalui Bermain*, Pendekatan Bersepadu, Pendekatan Bertema, Pembelajaran Berasaskan Projek Pembelajaran Masteri (terutamanya dalam penguasaan bahasa dan kemahiran), Pembelajaran Kontekstual (menggunakan pengalaman murid, alam persekitaran murid) Pembelajaran berdasarkan kepelbagaian kecerdasan (Multiple intelligences).
- menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira tentang kebolehan dan aras perkembangan kognitif kanak-kanak dan teori perkembangan kanak-kanak, keadaan setempat dan keperluan individu murid.

Justeru, kreativiti merupakan nadi dalam kehidupan seharian kanak-kanak prasekolah. Kreativiti digunakan dalam banyak keadaan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tanpa kreativiti guru maka pembelajaran akan menjadi lesu. Mohd Azhar (2001) berpendapat zaman kanak-kanak adalah zaman perkembangan daya kreativiti. Kreativiti ini terus subur dari hari ke sehari. Namun begitu menurutnya lagi sebaik sahaja kita memasuki alam persekolahan dan semakin tinggi tahap persekolahan, semakin nipis daya kreativiti seseorang. Oleh itu, kreativiti tidak dapat dikekalkan sentiasa. Ianya memerlukan dorongan bagi meningkatkan kreativiti dan kualiti seseorang guru prasekolah.

Dalam meningkatkan kualiti guru prasekolah dalam pengajaran, tahap kepercayaan (efikasi) dan keyakinan guru prasekolah bagi menerapkan kreativiti dalam pengajaran juga adalah penting untuk dilihat. Ini kerana berdasarkan kajian-kajian lepas mendapati guru-guru merasa kurang bersedia dan yakin berdepan dengan masalah dalam pengajaran kerap menganggap diri mereka tidak berpengalaman dan tidak mendapat latihan yang mencukupi (Buell et al.1999 dlm Khalid Johari et al. 2009). Selain daripada meningkatkan kualiti pengajaran, kreativiti juga sering dikaitkan dengan faktor gender seperti jantina. Terdapat pendapat yang mengatakan tahap kreativiti pelajar lelaki lebih tinggi daripada tahap kreativiti pelajar perempuan. Menurut Norfauzi Malizan (2002), jika dilihat pada

kebiasaannya pelajar lelaki lebih diberikan kebebasan oleh ibu bapa dalam membuat sebarang tindakan manakala pelajar perempuan mempunyai kebebasan terhad yang mana kehidupan mereka sentiasa dibayangi oleh ibu bapa. Terdapat banyak kajian juga mendapati hal ini seperti kajian yang di jalankan oleh Eccles, Eysenck, Mac Coby Jaclin dan Reiss (2002) ke atas guru-guru.

Pada masa yang sama, tahap keyakinan juga sering dikaitkan dengan gender seperti jantina, misalnya Egger (2006) dan Kurz (2001) dalam kajian mereka mendapati efikasi guru perempuan di sekolah menengah didapati lebih tinggi berbanding guru lelaki. Perbezaan tahap efikasi sendiri guru juga disokong dalam kajian Khalid Johari (2009) yang menyatakan bahawa efikasi sendiri guru adalah berbeza merentas jantina

Bandura (1997) menyatakan dalam beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kejayaan seseorang itu boleh diramalkan dengan efikasi diri. Oleh itu, kejayaan guru prasekolah dalam melaksanakan kreativiti dalam pengajaran juga amat berkaitan dengan efikasi diri mereka. Efikasi didapati mempunyai perkaitan dengan keberkesanan latihan (Earley, 1994), kesungguhan dan kecekalan individu (Barling & Beattie, 1983). Kajian Stadjkovic & Luthans (1998) dalam meta-analisis ke atas 114 kajian telah mensintesis bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara efikasi dengan prestasi kerja. Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya efikasi sendiri guru terutamanya di kalangan guru prasekolah dalam meningkatkan prestasi kerja yang sememangnya memerlukan kreativiti yang mantap. Sungguhpun begitu, kajian tentang pengaruh kreativiti terhadap efikasi kurang dilakukan terutamanya kreativiti dan efikasi di kalangan guru prasekolah.

Kesimpulannya, dalam memenuhi aspirasi pendidikan negara, perlaksanaan kreativiti dalam pengajaran adalah perlu supaya segala permasalahan dan keperluan terutamanya dalam meningkatkan kualiti prasekolah dapat dicapai. Pada masa yang sama guru prasekolah juga perlu mempunyai kepercayaan (efikasi sendiri) yang tinggi dalam melaksanakannya terutama dalam strategi pengajaran.

1.3 Pernyataan Masalah.

Sebenarnya efikasi dan komitmen guru prasekolah adalah sangat penting dalam melahirkan pengajaran yang berkualiti dan membentuk sahsiah murid-murid

prasekolah yang seimbang dan kreatif bagi memenuhi matlamat NKRA itu sendiri. Tuntutan dasar kerajaan yang amat memerlukan agar tahap pengetahuan yang berkualiti di kalangan guru-guru prasekolah dan kemahiran kreativiti yang perlu ada pada diri mereka menyebabkan mereka perlu berusaha untuk memantapkan lagi diri mereka dari pelbagai aspek.

Namun berdasarkan kajian Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2011) berkaitan dengan persepsi guru terhadap penggunaan kurikulum berasaskan bermain bagi aspek perkembangan bahasa dan literasi murid prasekolah telah mendapati bahawa guru prasekolah tidak pasti bagaimana menjalankan kurikulum ini. Walaupun dapatan kajian menunjukkan guru prasekolah mempunyai persepsi yang baik terhadap penggunaan kurikulum yang terbaru iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) namun ketidakpastian ini menggambarkan tahap kepercayaan yang kurang di kalangan guru prasekolah.

Sebenarnya ketidakpastian ini juga berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh Zurida Hj. Ismail (2004) yang berkaitan sikap dan kepercayaan guru prasekolah dalam pengajaran Sains. Dalam kajian, beliau menyatakan bahawa konsepsi serta kepercayaan guru prasekolah sering mempengaruhi keputusan dan tindakan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, hanya melalui pengalaman pembelajaran yang berkesan dan kreatif akan mampu membina keyakinan, kemahiran, kepercayaan dan sikap yang positif. Sebagaimana dalam dapatan kajian, beliau sendiri telah mendapati bahawa sebahagian besar masih kurang percaya dan yakin dalam pengajaran dan pembelajaran mereka terutamanya dalam awal sains walaupun mereka percaya bahawa faktor-faktor kreativiti seperti pengetahuan guru yang ada mencukupi dan membolehkan mereka mengajar di peringkat prasekolah.

Situasi ini dijejaskan lagi apabila berdasarkan Laporan Saringan pertama LINUS di bawah NKRA diseluruh negara pada tahun 2010. Kedudukan LINUS di negeri Sabah mencatatkan tempat kedua paling rendah di Malaysia. Di negeri Sabah juga Daerah Kota Marudu mencatatkan tempat ke 18, Kudat tempat ke 15 dan Pitas tempat ke 24 daripada 24 buah daerah di negeri Sabah yang mempunyai bilangan murid yang masih dikategorikan sebagai LINUS (Laporan Saringan LINUS Pejabat Daerah Kota Marudu, 2011). Laporan ini mendapati terdapat ramai lagi murid-murid tahun satu yang tidak melepasi ujian ini. Pada masa yang sama, kebanyakan murid-murid ini memperolehi pendidikan awal di kelas prasekolah KPM. Situasi di atas